

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan berkenaan sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian tahfiz swasta yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat dan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi membantu perkembangannya.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memartabatkan Islam termasuk menerusi program-program pembangunan pendidikan Islam seperti pembangunan sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian tahfiz. Justeru itu, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah

agama dan pusat pengajian tafhiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu mendapat kelulusan dan berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama serta peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Bagi pembangunan sekolah-sekolah agama, selain daripada bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing, Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan peruntukan kewangan melalui bajet tahunan secara khusus sejak tahun 2011 sehingga sekarang. Bagi tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta bertujuan untuk pembangunan sekolah agama rakyat di seluruh negara meliputi penyelenggaraan fasiliti sekolah, kemudahan pembelajaran, latihan guru dan program kecemerlangan pelajar. Selain itu, peruntukan sebanyak RM13,621,180.00 secara *one-off* pula diberikan kepada 356 buah Maahad Tahfiz.

Kerajaan Persekutuan juga, pada tahun 2014 menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di tiga buah sekolah. Pada tahun 2015 pula, mula diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di 12 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bermula di Tingkatan 1. Sehubungan itu, Kerajaan menggalakkan institusi-institusi tersebut berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ini bagi memudahkan sebarang bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tafhiz

tersebut di samping memastikan matlamat penubuhan dan operasi sekolah dan institusi pengajian tahliz berkenaan selaras dengan pendidikan arus perdana.

Dalam masa yang sama, bagi memperkasakan institusi pendidikan tahliz di seluruh negara, pada masa ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang giat meneliti pembangunan Dasar Pendidikan Tahliz Negara (DPTN) berdasarkan kepada beberapa skop seperti dasar dan perundangan, kurikulum, tadbir urus, pengiktirafan dan pensijilan serta konsep atau model tahliz.

Sekian, terima kasih.